

09/10/1998

MIC cadang kempen tangkis laporan palsu

KUALA LUMPUR, Khamis - MIC mencadangkan kempen publisiti besar-besaran di luar negara dilancarkan bagi menangkis laporan tidak benar dan berat sebelah media asing yang bertujuan memburukkan nama baik negara.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kerajaan perlu bertindak sedemikian bagi menjelaskan kepada masyarakat dunia situasi politik dan ekonomi sebenar di Malaysia.

Menurutnya, cadangan itu sudah dikemukakan kepada Kabinet semalam dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju kempen seumpama itu dilaksanakan menerusi kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negara.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, rakyat Malaysia yang cintakan keamanan perlu menunjukkan sikap toleransi dan keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan dan negara.

"Malaysia menjadi sasaran laporan palsu media asing kebelakangan ini dan rakyat hendaklah bijak menilai dan tidak mudah terpedaya dengan laporan itu, termasuk yang disebarikan melalui Internet.

"Rakyat harus sedar bahawa musuh kita sentiasa berusaha menanam benih perpecahan di kalangan rakyat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, di sini hari ini.

Samy Vellu berkata, mesyuarat hari ini juga sebulat suara menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani kegawatan ekonomi dan politik yang melanda negara sekarang.

"MIC ingin memberi jaminan kepada pucuk kepimpinan negara bahawa seluruh masyarakat keturunan India sentiasa memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri dalam meneruskan perjuangan untuk bangsa Malaysia," katanya.

Mengenai isu ekonomi, Samy Vellu berkata, MIC menyokong langkah yang diambil kerajaan baru-baru ini untuk menyelamatkan ekonomi termasuk tingkatan tahap mudah tunai sistem perbankan dan kawalan tukaran mata wang asing.

Katanya, MIC yakin langkah berkenaan dapat memulihkan ekonomi negara dalam masa yang singkat dan membolehkan pertumbuhan ekonomi positif dicatatkan tahun depan.

Mengulas cadangan Umno untuk menurunkan had umur ahlinya dari 18 tahun kepada 16 tahun, Samy Vellu berkata, MIC tidak akan mengurangkan syarat usia 18 tahun yang diamalkan sekarang.

(END)